



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

424 ATLET POLYCC SIAP SEDIA GEMPUR SUKIPT 2026, BAWA MISI CIPTA LEGASI JUARA

SHAH ALAM - Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) mempertaruhkan seramai 424 atlet Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) pada Kejohanan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) ke-7 2026 yang akan berlangsung mulai 28 Ogos hingga 6 September 2026 di Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur.

Kontinjen POLYCC secara keseluruhannya melibatkan 641 orang yang terdiri daripada 424 atlet dan 217 pegawai, di mana Kontinjen Politeknik Malaysia menyumbang 314 atlet dan 141 pegawai, manakala Kontinjen Kolej Komuniti Malaysia pula terdiri daripada 110 atlet dan 76 pegawai dalam mengharumkan nama institusi TVET berkenaan dalam kejohanan sukan tersebut.

Mengangkat slogan “Mencipta Legasi Juara”, pasukan POLYCC membawa konsep “The Thinking Athlete” atau atlet yang berfikir, iaitu keupayaan membaca situasi, menyesuaikan strategi, mengawal emosi dan membuat keputusan yang tepat ketika berada di gelanggang. Satu majlis pelepasan “flag-off” Kontinjen Politeknik Malaysia dan Kolej Komuniti Malaysia ke SUKIPT 2026 telah diadakan dan berlangsung di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), di sini, semalam.

Timbalan Ketua Pengarah (Governan) JPPKK, Ts. Abdul Razak Sabtu ketika hadir pada perasmian tersebut berkata, dalam saingan kali ini, Politeknik Malaysia akan bertanding menerusi 25 acara sukan, manakala Kolej Komuniti Malaysia pula mengambil bahagian dalam 14 jenis sukan.

“Kemenangan sememangnya menjadi sasaran, namun nilai sebenar seorang juara bukan hanya diukur melalui jumlah pingat yang diraih. Disiplin, integriti, semangat berpasukan, keberanian serta keupayaan untuk bangkit selepas kegagalan merupakan nilai yang membentuk legasi seorang juara,” katanya.

Beliau turut menyeru agar seluruh atlet POLYCC dapat beraksi dengan penuh keyakinan, berani memberikan yang terbaik, menghormati lawan dan pengadil serta sentiasa menjunjung nama baik institusi.

Turut hadir pada majlis pelepasan tersebut ialah Pengarah Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar JPPKK, Haji Azirin Abdul Aziz yang menjalankan tugas Pengarah Kanan (Kompetensi), JPPKK, Pengarah Kanan (Akademik), Dr. Haji Mohd Daud Isa, serta barisan kepimpinan Majlis Sukan Politeknik (MSP) dan Majlis Sukan Kolej Komuniti Malaysia (MASKOM) serta pengarah-pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
27 Ogos 2026**

LAMPIRAN BERGAMBAR

